

## KESAN KAFE SIBER TERHADAP GOLONGAN REMAJA DI PULAU PINANG

EDWIN MICHAEL, AFI ROSHEZRY B. ABU BAKAR  
& IRA MEILITA IBRAHIM

### ABSTRAK

*Kestabilan sosio politik sesebuah negara terletak sebahagian pada golongan remaja yang bukan sahaja merupakan tunjang pembangunan negara malahturut memainkan peranan sebagai penggerak modal insan negara. Mereka juga mempunyai kaitan yang jelas dengan institusi kekeluargaan yang amat penting dalam usaha untuk mewujudkan kesejahteraan dalam sesebuah masyarakat. Putaran arus modenisasi hari ini menyaksikan semakin terlerainya ikatan kukuh institusi kekeluargaan hingga mencetuskan pelbagai gejala sosial dalam kalangan anak-anak muda. Antara gejala sosial yang ketara mencengkam para remaja ialah penyalahgunaan kafe siber. Kajian ini memfokuskan kepada 230 remaja di Pulau Pinang melibatkan 28 kafe siber di sekitar Georgetown dan Butterworth. Kajian kuantitatif ini mendapati 168 responden mengakui kafe siber lebih baik daripada rumah manakala 62 responden mengakui kafe siber lebih baik daripada menghadiri sekolah. Malah responden turut mengakui bahawa tahap ketagihan mereka terhadap internet adalah amat tinggi dan sanggup melakukan apa sahaja semata-mata untuk menghabiskan masa di kafe siber.*

**Kata Kunci:** Remaja, Ketagihan Internet, Kafe Siber, Pulau Pinang

### ABSTRACT

*Socio-political stability of a country more likely depends on youth who are said to be the root of national development and they play an important role in bringing up the country's human capital. A strong relationship between youth and family institution is able to uphold harmonious situation in order to create affluence in the society. Unfortunately, the wave of modernization reflects that the relationship between the two has become weak and this has triggered variety of social illnesses. Among those social problems are the misuse of cybercafés. This study mainly focused on 230 youths around Penang area, involving 28 cybercafés in the vicinity of Georgetown and Butterworth. This quantitative study revealed that 168 respondents admitted that using computer in cybercafés are better than at home, while 62 respondents think that going to cybercafés are better than attending school. The most shocking analysis shows that the level of the addiction towards internet among the young respondents is very high and they would do anything just to spend time in cybercafés.*

**Keywords:** Teenagers, Internet Addiction, Cybercafe, Penang

## PENGENALAN

Internet telah menjadi satu alat perhubungan sosial, informasi dan hiburan yang membentuk sebuah komuniti maya dalam sebuah perkampungan global. Ini terbukti apabila data yang dikeluarkan oleh laman web Internet World Statistic (2011) yang dikemas kini hingga Jun 30, 2011 menunjukkan bahawa jumlah pengguna internet di Malaysia ialah seramai 16.9 juta orang dengan kadar penembusan sebanyak 58.8 % daripada 28.7 juta populasi penduduk di negara ini.

Angka ini jauh lebih tinggi berbanding jumlah pengguna internet di Malaysia pada tahun 2000 yang mencatatkan hanya 3.7 juta pengguna. Menariknya laman web yang sama juga menunjukkan terdapat 11.2 juta rakyat Malaysia yang memiliki akaun laman web sosial Facebook dan menduduki tangga ke empat di Asia selepas Indonesia (38.8 juta pengguna), India (29.4 juta pengguna) dan Filipina dengan 25.3 juta pengguna Facebook.

Istilah ketagihan internet pertama kali diperkenalkan pada tahun 1996 di mesyuarat tahunan American Psychological Association (Young, 1996) yang menceetuskan perdebatan melibatkan golongan akademik dan pakar perubatan. Ramai pengkaji melihat bahawa istilah ketagihan sepatutnya digunakan untuk kes-kes yang melibatkan pengambilan dadah yang berulang (Rachlin, 1990). Walau bagaimanapun pendefinisan ketagihan itu kini turut melibatkan perubahan tingkah laku yang tidak membabitkan pengambilan bahan-bahan toksik seperti ketagihan judi dan bermain permainan video dan komputer (Griffiths, 2002).

Pengguna internet yang sihat didefinisikan sebagai menggunakan internet untuk mencapai tujuan tertentu dalam jangka masa yang ditetapkan tanpa mengalami sebarang masalah tingkah laku (Davis, 2001) manakala para pengkaji melihat pengguna internet bermasalah sebagai menggunakan internet yang tidak menunjukkan ciri-ciri pengguna internet yang sihat. Goldberg (1997) merujuk gejala ini sebagai ketagihan internet dan kebergantungan terhadap internet manakala Davis, Flett dan Besser (2002) pula menggunakan istilah pengguna internet bermasalah.

Para pengkaji ini menggunakan indikator tertentu merujuk kepada tingkah laku yang menggambarkan kebergantungan dan ketagihan internet. Indikator tersebut adalah seperti tempoh masa yang digunakan untuk melayari internet, ketidakselesaan ketika tidak menggunakan internet dan keperluan untuk menggunakan internet untuk tempoh masa yang lama (Young & Rodgers, 1998). Walaupun wujudnya dakwaan bahawa ketagihan pengguna internet mempunyai kaitan langsung dengan masalah psikiatri seperti kemurungan dan stres (Caplan, 2003) terdapat juga kajian yang

menunjukkan bahawa tahap kemurungan yang teruk merupakan faktor utama yang mendorong seseorang menjadi ketagih terhadap internet (Davis, 2001).

Pada masa yang sama, kajian turut menunjukkan bahawa internet bertindak sebagai alat untuk melepaskan perasaan negatif mereka melalui internet kepada individu yang mengalami stres atau kemurungan yang keterlaluan ataupun keletihan (Chou, 2001; Mckenna & Bargh, 2002). Kajian Greenfield (1999) mendedahkan bahawa 30% individu yang menggunakan internet adalah untuk menghilangkan perasaan atau mood bersifat negatif yang dialami dalam kehidupan sehari-hari mereka.

### **KETAGIHAN INTERNET DAN DELIKUENSI REMAJA: SOROTAN LITERATUR**

Kajian Chen, Liu dan Luo (2007) menunjukkan bahawa ketagihan internet dalam kalangan lelaki lebih tinggi berbanding wanita. Leung (2004) pula telah menjalankan kajian yang melibatkan remaja berusia 16 hingga 24 tahun yang menunjukkan bahawa ketagihan internet lebih menjurus dalam kalangan para pelajar sekolah dan golongan muda berbanding dengan mereka yang tidak mengalami ketagihan internet. Manakala kajian Yang & Tung (2007) merumuskan bahawa ketagihan internet yang tinggi dalam kalangan remaja adalah disebabkan beberapa faktor seperti minat untuk membentuk identiti diri mereka, membentuk perhubungan yang intim dengan individu lain, akses internet yang percuma atau mudah diperolehi serta galakkan penggunaan internet di rumah dan di sekolah.

Lei dan Wu (2007) pula berpendapat bahawa faktor-faktor psikologi seperti perasaan malu, ingin bersendirian, tahap kepercayaan pada diri sendiri yang rendah dan masalah komunikasi kendiri yang lemah turut dilihat antara faktor utama yang menjuruskan remaja kepada ketagihan internet. Kajian Hur (2006) pula mendapati bahawa ketagihan internet dalam kalangan remaja yang mengalami krisis kekeluargaan seperti ibu bapa yang bercerai, kurang aktiviti sekolah, tahap akademik yang kurang memuaskan dan aktif dalam perhubungan sosial dengan teman lelaki atau teman wanita turut dilihat antara punca mengapa golongan remaja mengalami ketagihan internet.

Manakala kajian di China pula membuktikan bahawa wujudnya korelasi yang kuat antara gaya keibubapaan, komunikasi dalam kekeluargaan dan ketagihan internet. Wang, Gan dan Li (2006) telah menjalankan kajian yang melibatkan pelajar-pelajar sekolah tinggi di Beijing, China mendapati gaya keibubapaan yang negatif iaitu terlalu sibuk bekerja tanpa mempedulikan anak-anak mempunyai kaitan yang rapat dengan ketagihan permainan komputer dalam kalangan responden.

Kajian yang sama oleh Yen et al. (2007) dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah tinggi di Taiwan menunjukkan bahawa ketagihan internet adalah berpunca akibat kegagalan fungsi institusi kekeluargaan, konflik rumah tangga dan penyalahgunaan alkohol dalam kalangan ahli keluarga. Malah pengkaji juga mencadangkan bahawa ketiadaan disiplin dalam keluarga serta kelemahan dalam memantau anak-anak mereka menjurus kepada ketagihan internet serta penyalahgunaan kandungan internet.

Ketagihan internet melibatkan golongan muda di Korea Selatan amat membimbangkan sehingga pihak berkuasa Korea Selatan mengisyitiharkan ketagihan internet sebagai salah satu isu kesihatan yang serius (Ahn, 2007). Korea Selatan mencatatkan 10 kematian akibat Kardiopulmonari di kafe siber dan pada masa yang sama kerajaan Korea Selatan juga menganggarkan bahawa terdapat sekitar 210,000 kanak-kanak mengalami ketagihan internet dan memerlukan rawatan psikotropik (Choi, 2007). Kajian Kim (2007) menunjukkan bahawa purata pelajar sekolah tinggi di Korea Selatan menghabiskan masa sebanyak 23 jam seminggu untuk bermain permainan komputer.

Saadah (2003) mengkaji remaja yang melepak di kafe siber dan hasil dapatan beliau menunjukkan purata masa melepak di kafe siber ialah 2.2 jam sehari, perempuan lebih banyak melepak daripada lelaki (24.1 jam seminggu), umur antara 19-21 tahun lebih banyak yang melepak (8.3 jam sehari) dan remaja FELDA paling ramai melepak (10.5 jam sehari) di kafe siber. Kajian beliau juga mendedahkan bahawa aktiviti yang banyak dilakukan ialah melayari laman web artis dan dunia hiburan (27.5%), 20.6% *chatting* (sembang secara *online*) dan 14.7% bermain permainan komputer. Sama seperti kajian-kajian lepas (Ahmad & Mustafa, 1995; Iran, 1995; Shamsudin & Iran, 1993a&b; Yahaya, 1995 mendapati bahawa remaja yang melepak terlibat dalam penagihan dadah, perjudian, menonton bahan lucuah, minuman keras dan hubungan seks sebelum kahwin.

Kajian Jas Laile Suzana & Masnona (2006) menunjukkan dapatan yang hampir sama dalam kajian mereka terhadap penggunaan internet dan remaja hasil daripada soal selidik terhadap 1,347 responden berumur antara 13-18 tahun daripada 28 buah sekolah di Sarawak yang dilakukan pada tahun 2004. Didapati masa yang dihabiskan di kafe siber ialah selama 1-2 jam (62%), umur 16-18 tahun lebih ramai yang melepak (2.2 jam untuk satu sesi), 51% responden melayari internet antara pukul 12 tengah hari hingga 4 petang, 51% menghabiskan antara RM10 hingga RM50 sebulan untuk melayari internet, 68% *chatting* (sembang secara *online*), 74% bermain permainan komputer manakala terdapat perbezaan yang signifikan terhadap melayari laman web lucuah berdasarkan faktor jantina ( $p<0.01$ ) dengan min remaja lelaki lebih tinggi berbanding perempuan iaitu remaja lelaki lebih cenderung melayari laman web lucuah.

Ali & Safar (2009) pula mendapati terdapat keseimbangan penggunaan internet dalam kalangan golongan wanita Melayu di Malaysia. Kajian mereka menunjukkan bahawa rangkaian sosial dan komunikasi kendiri serta faedah penggunaan internet memberikan impak positif terhadap keseimbangan penggunaan internet melibatkan 178 wanita Melayu.

Remaja yang tinggal dalam konteks keluarga bermasalah meningkatkan risiko dalam perkembangan tingkah laku devian seperti keganasan, vandalisme, mencuri, menagih alkohol dan dadah (Loeber & Stouthamer-Loeber, 1998; Patterson et al., 1992). Kesibukan bekerja dan kekurangan perhatian ibu bapa menyebabkan remaja kesunyian dan kurang motivasi diri. Kajian yang dilakukan oleh Universiti Chicago (Czikszentmihalyi, 1987) mendapati purata masa yang dikongsi remaja dengan ibu bapa ialah 12 jam seminggu yang kebanyakannya berlaku ketika waktu makan dan menonton televisyen.

Kajian Young et al. (1991) mendapati bahawa hubungan seks bebas oleh remaja berlaku apabila ibu bapa jarang berada di rumah. Mereka juga mendapati remaja yang mempunyai ibu dan bapa mempunyai kadar peratusan yang lebih rendah terlibat dalam seks bebas berbanding dengan remaja yang hanya mempunyai ibu atau bapa sahaja.

Kementerian Kesihatan Malaysia (1992) melaporkan bahawa 52% remaja berumur di antara 17-24 tahun mempunyai lebih daripada satu pasangan seks dan separuh daripada mereka telah pun melakukan seks sebelum nikah. Manakala kajian kementerian berkenaan pada tahun 1996 mendapati bahawa 1.8% daripada 30,233 pelajar sekolah menengah berumur di antara 13 hingga 18 tahun telah pun melakukan hubungan seks tanpa nikah (Jas Laile Suzana, 2005). Beliau juga mendapati bahawa 58% remaja telah melakukan seks sebelum nikah pada usia 18-20 tahun. Seramai 44% melakukanannya dengan teman lelaki atau wanita, dan 31% melakukanannya di rumah pasangan masing-masing. Majoriti responden (73%) turut mengakui mereka tidak mabuk dan tidak mengambil dadah ketika melakukan seks buat kali pertama. Didapati juga 65% remaja perempuan melakukan hubungan seks sebelum nikah kerana ingin membuktikan cinta mereka terhadap teman lelaki.

Kajian Yayasan Strategik Sosial (Victor, 2004) pula mendapati bahawa faktor utama remaja India terjebak dalam jenayah juvana ialah pengaruh rakan sebaya, diikuti oleh diri sendiri, sekolah, pengalaman didera serta diabaikan dan keretakan rumah tangga. Sebanyak 64% responden dalam kajian ini datang daripada keluarga beribu bapa tunggal. Manakala faktor media massa, ibu bapa dan keluarga merupakan pengaruh yang lemah. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa 36% responden tidak berminat pulang ke rumah selepas waktu sekolah. Mereka lebih berminat berada dengan rakan sebaya atau merasa takut berjumpa dengan ibu bapa.

Asmah & Zulekha (2004) menjalankan kajian terhadap salah laku remaja di dua buah sekolah menengah di Shah Alam dan Petaling Jaya, Selangor terhadap 77 pelajar berusia antara 15 hingga 17 tahun. Mereka mendapat remaja merokok kerana ingin menonjolkan imej yang hebat, anggun dan dewasa; ingin mencuba dan mengikut tingkah laku ibu bapa serta rakan sebaya. Remaja yang ponteng sekolah pula disebabkan keluarga yang materialistik, tidak mengambil berat keperluan anak, anak tiada kasih sayang sepenuhnya, pelajar tidak minat atau tiada motivasi ke sekolah. Mereka tidak sedar kepentingan ilmu, di samping pengaruh persekitaran seperti melepak di pusat hiburan, pusat membeli belah dan kafe siber. Ia juga disebabkan suasana sekolah yang tidak sesuai dan tidak memberangsangkan misalnya masalah dengan rakan-rakan dan guru. Faktor penglibatan mereka dalam salah laku ialah disebabkan pengaruh kawan (63.6%), suka mencuba (48%), melepaskan tekanan (37.6%), pengaruh media (19.4%) dan untuk mendapatkan perhatian (19%).

Kajian Yahaya (1995) terhadap remaja FELDA mendapati masa senggang yang terlalu banyak menyebabkan remaja melepak. Tempoh masa bekerja yang singkat antara empat ke lima jam (7 pagi hingga 11 pagi) menimbulkan rasa bosan dan mendorong remaja keluar rumah bertemu rakan di tempat-tempat tertentu. Mereka kemudiannya mengisi masa lapang dengan aktiviti yang tidak menyalahi undang-undang seperti melepak dan aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti salah guna dadah dan mencuri.

Kajiannya turut mendapati tempoh masa melepak ialah 28.4 jam seminggu. Majoriti remaja yang melepak berusia 22-25 tahun, lelaki, bekerja sendiri dan lemah dari segi pelajaran dan pekerjaan. Trend melepak pula ialah dari petang sehingga malam (6 petang ke 8 malam). Didapati juga 90.7% melepak di tempat menunggu bas, 81.8% melepak untuk bertemu kawan. Tingkah laku melepak juga dikaitkan dengan menonton filem lucah, membaca majalah lucah, dadah, berjudi, minum minuman keras dan mengadakan hubungan seks sebelum nikah.

## METODOLOGI KAJIAN

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik tertutup. Kaedah ini dipilih kerana ia adalah kaedah yang sering digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu untuk mengukur tingkah laku manusia kerana ia dapat memberi satu penjelasan yang saintifik tentang perkara yang dikaji. Menurut Keyton (2006) tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik adalah kaedah terbaik untuk mendapatkan maklumat tentang pengetahuan, sikap dan amalan responden. Selain itu, menurut Gunter (2000), dalam perbincangannya mengenai tujuan tinjauan adalah untuk mendapatkan maklumat tentang pendapat

umum, tingkah laku atau ciri-ciri populasi masyarakat pada sesuatu masa itu contohnya menyediakan maklumat tentang sikap masyarakat terhadap topik-topik tertentu.

### **Pemilihan Informan Kajian**

Responden sasaran dalam kajian ini ialah golongan remaja. Seramai 230 orang responden diperolehi bagi melengkapkan proses pengumpulan data. Responden dipilih secara rawak mudah, di Pulau Pinang. Informan yang terdiri daripada audiens golongan remaja dipilih berdasarkan beberapa kriteria seperti berikut:

- i) Remaja
- ii) Terdiri daripada keturunan Melayu, Cina atau India.
- iii) Tidak mengira jantina
- iv) Tinggal di dalam kawasan Georgetown atau Butterworth
- v) Sering berkunjung ke kafe siber
- vi) Warganegara Malaysia
- vii) Tidak mengira tahap pendidikan
- viii) Tidak kira sama ada sudah bekerja ataupun masih belajar
- ix) Sanggup dan dengan rela hati mengambil bahagian di dalam kajian ini

### **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini melibatkan seramai 230 responden dan melibatkan 28 buah kafe siber di sekitar Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, pengkaji merahsiakan maklumat responden dan para pengusaha kafe siber yang telah memberikan kerjasama dalam menjalankan kajian ini. Begitu juga dengan responden-responden yang terlibat dalam kajian ini.

Pecahan responden mengikut etnik, umur dan jantina yang menyertai kajian ini adalah seperti di jadual 1 dan 2.

**Jadual 1: Pecahan responden mengikut etnik**

Etnik	Bil. responden
Melayu	110
India	68
Cina	44
JUMLAH	230

**Jadual 2: Pecahan responden mengikut umur dan jantina**

Umur	Bil. Peserta	Lelaki	Perempuan
19 tahun ke atas	33	21	12
16-18 tahun	118	83	35
12-15 tahun	57	37	20
11 tahun kebawah	22	18	4
JUMLAH	230	159	71

**DAPATAN KAJIAN**

Daripada keseluruhan responden, terdapat 159 responden lelaki dan 71 responden perempuan yang telah terlibat dalam kaji selidik ini. Latar belakang responden adalah seperti berikut. Terdapat 148 responden berasal daripada keluarga berpendapatan sederhana, 59 responden daripada keluarga berpendapatan rendah dan 23 responden daripada keluarga berpendapatan tinggi. Kajian ini mendapati seramai 58 responden mengakui mereka sering diabaikan dalam keluarga, 53 responden mengakui ibu bapa mereka sering bertengkar di rumah, 49 responden mengakui ibu bapa mereka sering bertengkar secara fizikal. Terdapat 45 responden mengakui ibu bapa mereka terlalu sibuk dengan pekerjaan, 12 responden mengakui ibu bapa mereka telah bercerai atau tinggal berasingan manakala 13 responden mengakui bahawa keluarga mereka tiada sebarang masalah.

Daripada keseluruhan responden, terdapat 113 orang terdiri daripada perokok dengan mencatatkan 46 perokok remaja wanita. Manakala 13 responden wanita daripada 67 responden mengakui merokok dan mengambil minuman alkohol. Terdapat 51 responden pula terlibat dalam menghidu gam yang menyaksikan empat responden wanita daripadanya. Kesemua 180 responden yang merokok dan meminum alkohol mengakui dengan mudahnya membeli rokok dan minuman alkohol di kafe siber yang sering mereka kunjungi.

Kajian ini mendapati 212 responden mengakui pernah memonteng sekolah untuk ke kafe siber, 105 responden mengakui pernah mencuri dan 56 responden mengaku menipu untuk mendapatkan duit untuk ke kafe siber. Antara faktor yang menyebabkan mereka lebih cenderung untuk ke kafe siber ialah ruang rumah yang sempit, kongkongan keluarga serta tertekan dengan keadaan di sekolah. Seramai 68 responden menyatakan ruang rumah yang sempit menyebabkan mereka meluangkan masa di kafe siber, 34 responden menyatakan bahawa kongkongan keluarga

membuatkan mereka melepaskan tekanan di kafe siber, manakala 87 responden tertekan dengan sistem pendidikan di sekolah maka mereka berpendapat kafe siber sebagai tempat terbaik untuk melepak. Seramai 41 responden pula sering ke kafe siber kerana bosan dan inginkan keseronokan.

Dalam situasi yang lain, seramai 168 responden mengakui kafe siber lebih baik daripada rumah, manakala 62 responden mengakui kafe siber lebih baik daripada menghadiri sekolah. Daripada pecahan tersebut, 118 responden menyatakan sistem pendidikan berorientasikan peperiksaan menyebabkan mereka enggan ke sekolah, 48 responden mengakui sudah tidak minat untuk meneruskan pelajaran, 35 responden menyatakan guru yang terlalu mengongkong menyebabkan mereka tidak suka ke sekolah dan 9 responden pula menemankan rakan mereka untuk ke kafe siber.

Dalam konteks ketagihan ke kafe siber, kajian mendapati 127 responden mengakui mengalami ketagihan terhadap permainan video yang berbentuk ganas dan lucah. Daripada pecahan itu, 47 responden bermain Grand Theft Auto Series. Antara permainan video ganas yang turut menjadi pilihan responden ialah Carmageddon, Postal 2, Madworld. Kesemua 230 responden memiliki akaun laman web sosial Facebook namun hanya 25 responden menyatakan bahawa mereka hanya melayari laman web Facebook sahaja sepanjang berada di kafe siber.

Dari segi pemilihan tempat tujuan ketika ponteng sekolah, 113 responden menyatakan bahawa kafe siber menjadi tempat pilihan utama, 69 responden memilih kompleks membeli belah sebagai pilihan, 25 responden memilih kawasan semak samun sebagai tempat utama, manakala 23 responden tidak kisah dengan tempat tujuan apabila memonteng sekolah. Daripada pecahan 113 responden yang menjadikan kafe siber sebagai tempat utama apabila memonteng sekolah, 45 responden melayari laman web lucah, 23 responden bermain permainan video lucah dan ganas dan 45 responden menjadikan kafe siber untuk tempat bertemu dan lepak. Daripada keseluruhan responden, terdapat 189 responden mengakui bahawa kafe siber menjadi sumber utama untuk memuat turun klip video lucah. Kajian juga mendapati bahawa kesemua responden perempuan terdedah secara langsung dengan pornografi di dalam internet.

## KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan wujudnya ketagihan internet serta impak kafe siber terhadap remaja. Penggunaan terma-terma seperti ketagihan internet,

kebergantungan terhadap internet, pengguna internet yang bermasalah dengan jelas menunjukkan pendefinisian yang sama iaitu individu yang terlibat secara langsung dengan penggunaan internet dan pada masa yang sama mengabaikan aspek kehidupan mereka yang lain. Kajian ini menunjukkan bahawa wujudnya kebergantungan yang tinggi dalam kalangan responden terhadap internet dan akibatnya kafe siber dijadikan tempat untuk melepak dan melepaskan ketagihan terhadap internet.

Kajian ini juga menyokong tesis Griffiths (2000, 2001) yang merumuskan bahawa tingkah laku melibatkan penggunaan internet yang melampau seperti melayari laman web lucu hanyalah melibatkan dalam soal penggunaan internet kerana individu berkenaan berkemungkinan selesa sebagai anonymous dan tidak bersemuka dengan pengguna internet yang lain. Walaupun kajian ini relevan dalam menunjukkan bahawa responden-responden ini mengalami ketagihan internet namun kajian ini hanyalah meliputi pengguna internet di kafe siber dan tidak mengambil kira individu yang mengalami ketagihan internet tetapi menghabiskan masa melayari internet di rumah. Walaupun responden-responden ini mengalami ketagihan internet namun menurut Widyanto & Griffiths (2006), apa sebenarnya yang mereka ketagihan dalam internet masih samar. Justeru, satu kajian komprehensif perlu dilakukan pada masa hadapan.

## RUJUKAN

- Ahmad Nurulazam dan Mustapa Kassim. 1995. Lepak di Kalangan Pelajar –Kajian di Negeri Perak dan Pulau Pinang. Prosiding Seminar Kebangsaan Gejala Sosial 1995, Sintok, Universiti Utara Malaysia, 24-25 Mei.
- Ahn, D. H. 2007. Korean policy on treatment and rehabilitation for adolescents' internet addiction, in 2007 International Symposium on the Counseling and Treatment of Youth Internet Addiction. Seoul, Korea, National Youth Commission, p 49.
- Ali salman & Mohd Safar Hashim. 2009. Sustainability of internet usage: A study among Malay women in a sub-urban setting in Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, Volume 9, 433-447.
- Asmah Ali dan Zulekha Yusof. 2004. Salahlaku Sosial Remaja Kini: Cabaran dan Penyelesaian. Kertas kerja dibentang pada Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, Kuala Lumpur, Universiti Malaya, Mei 29 – 30.

- Caplan, S. E. 2003. Preference for online social interaction. A theory of problematic Internet use and psychosocial well-being. *Communication Research*, 30, 625- 648.
- Chen, P., Liu, S., Luo, L. 2007. A study on the psychological health of internet addiction disorder of college students. *Chinese Journal of Clinical Psychology* 15, 40-42.
- Choi, Y.H. 2007. Advancement of IT and seriousness of youth Internet addiction, in 2007 International Symposium on the Counseling and Treatment of Youth Internet Addiction.\Seoul, Korea, National Youth Commission, p 20.
- Chou, C. 2001. Internet heavy use and addiction among Taiwanese college students: An online interview study. *Cyberpsychology and Behavior*, 4, 573-585.
- Csikszentmihalyi, M. 1987. The Flow Experience. In M. Eliade, ed., *The Encyclopedia of Religion*, vol. 5, 361-363. New York: Macmillan.
- Davis, R. A. 2001. A cognitive-behavioral model of pathological internet use. *Computers in Human Behavior*, 17, 187–195.
- Davis, R. A., Flett, G. L., & Besser, A. 2002. Validation of a new scale for measuring problematic internet use; implications for pre-employment screening. *CyberPsychology and Behavior*, 15, 331–347.
- Goldberg, I. 1997. Ivan Goldberg discusses “Internet addiction”. <http://www.psyc.com.net/Akses pada 03 November 2011>.
- Greenfield, D.N., 1999. The nature of Internet addiction: Psychological factors in compulsive internet use. Paper presentation at the 1999 American Psychological Association Convention, Boston, MA.
- Griffiths, M. 1996. Technological addictions. *Clinical Psychology Forum* 76: 14-19.
- Griffiths, M. D. 2000. Excessive internet use: Implications for sexual behavior. *Cyber Psychology and Behavior*, 3, 537–552.
- Griffiths, M. D. 2001. Sex on the internet: Observations and implications for sex addiction. *Journal of Sex Research*, 38, 333–342.

- Gunter, B. 2000. Media Research Methods: Measuring Audiences, Reactions and Impact. London: Sage Publications Limited.
- Hur, M.H. 2006. Demographic, habitual, and socioeconomic determinants of internet addiction disorder: An empirical study of Korean teenagers. *Cyberpsychology & Behavior*, 9, 514-525.
- Iran Herman. 1995. Tingkah laku Lepak di Kalangan Remaja Luar Bandar. Kajang: True Times Sdn. Bhd.
- Jas Laile Suzana Jaafar dan Masnona Abdul Kadir. 2006. The Psychological Effects of the Internet to the Adolescents. Dalam Malaysia: Menangani Perubahan dan Pembangunan (Handling the Changes and Development), disunting oleh Mohd. Fauzi Yaacob, 87-110, Sumatera, Universitas Bengkulu Indonesia.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2005. Religiosity and motivations for engaging in premarital sex among Malaysian and Indonesian adolescents. Roziah Omar and Sivamurugan Pandian (eds.), *The Social Issues of Malaysia*. The Social Institute of Malaysia, pp. 27-40.
- Keyton, J. 2006. Communicating in Groups (Edisi ke-3). New York: Oxford University Press.
- Kim, B. N. 2007. From Internet to “family-net”: Internet addict vs. digital leader, in 2007 International Symposium on the Counseling and Treatment of Youth Internet Addiction. Seoul, Korea, National Youth Commission, p 196.
- Lei, L., & Wu, Y. 2007. Adolescents' paternal attachment and internet use. *Cyber Psychology & Behavior*, 10, 633-639.
- Leung, L. 2004. Net-generation attributes and seductive properties of the internet as predictors of online activities and internet addiction. *Cyber Psychology & Behavior*, 7, 333-348
- Loeber, R., dan Stouthamer-Loeber, M. 1998. Development of juvenile aggression and violence: Some misconceptions and controversies. *The American Psychologist*, 53, 242-259.
- McKenna, K. Y. A., & Bargh, J. A. 2002. Can you see the real me? Activation and expression of the ‘true self’ on the internet. *Journal of Social Issues*, 58, 33-48.

- Nurizan Yahaya, Ahmad Hariza Hashim, Laily Paim, dan Bukryman Sabri. 2004. Kepuasan Perumahan dan Persekutaran Isi Rumah Petempatan Kos Rendah di Johor Bahru. Dalam Kesejahteraan Isi Rumah Johor Darul Takzim, disunting oleh Laily Paim dan Nurizan Yahaya, 65–83. Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Patterson, G.R., Reid, J. B., dan Dishion T. J. 1992. Antisocial Boys. Castalia; Eugene, OR: Castalia.
- Rachlin, H. 1990. Why do people gamble and keep gambling despite heavy losses? *Psychological Science* (1): 294-297.
- Saadah Yahya. 2003. Lepak di Kafe Siber. Latihan Ilmiah Program Pengurusan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia.
- Samsudin A. Rahim dan Iran Herman. 1993a. Tingkahlaku Lepak di Kalangan Remaja: Kajian di Bandaraya Kuala Lumpur. Laporan Akhir Kajian Kementerian Belia dan Sukan, Kuala Lumpur.
- Samsudin A. Rahim dan Iran Herman. 1993b. Tingkah laku lepak di kalangan remaja: Kajian di Semenanjung Malaysia. Laporan Akhir Kajian Kementerian Belia dan Sukan, Kuala Lumpur.
- Shapira, N. A., Goldsmith, T. D., Keck, P. E., Khosla, U. M., & McElroy, S. L. 2000. Psychiatric features of individuals with problematic Internet use. *Journal of Affective Disorders*, 57, 267-272.
- Victor, J. Nathan. 2004. Kajian Juvana India. Persidangan Kebangsaan Delinkuensi Juvana: Ke Arah Jenayah Sifar di Kalangan Juvana, Kuala Lumpur, 15 Disember.
- Wang, P., Gan, Y., Li, M. 2006. Research on relationship between tendency to computer game addiction and parental rearing styles in senior high school students. *Chinese Journal of Clinical Psychology* 14, 460-462.
- Widyanto, L., & Griffiths, M. 2006. Internet Addiction: A Critical Review. *International Journal of Mental Health Addict*, 4, 31-51.
- Yahaya Ibrahim. 1995. Remaja FELDA: Gejala Sosial Dan Migrasi. Prosiding Seminar Kebangsaan Gejala Sosial 1995. Sintok, Universiti Utara Malaysia.

- Yang, S., & Tung, C. 2007. Comparison of internet addicts and non-addicts in Taiwanese high school. *Computers in Human Behavior*; 23, 79-96.
- Yen, J.Y., Yen, C.F., Chen, C.C., Chen, S.H., & Ko, C.H. 2007. Family factors of internet addiction and substance use experience in Taiwanese adolescents. *Cyber Psychology & Behavior*, 10, 323-329.
- Young, K. 1996. Internet addiction: The emergence of a new clinical disorder. *Cyber Psychology & Behavior* 1 (3): 237-244.
- Young, E. W., Jensen, L. C., Olsen, J. A., & Cundick, B. P. 1991. The Effects of Family Structure on the Sexual Behavior of Adolescents. *Adolescence*, 26, 977-986.
- Young, K., & Rodgers, R. 1998. The relationship between depression and internet addiction. *Cyber Psychology and Behavior*; 1, 25–28.
- \_\_\_\_\_. 1992. Kajian Kesihatan dan Cara Gaya Hidup. Kementerian Kesihatan Malaysia, Kuala Lumpur.
- \_\_\_\_\_. 2011. Asia Marketing Research, Internet Usage, Population Statistics and Facebook Information. <http://www.internetworldstats.com/asia>. Akses pada 23 November 2011.

### ***Profil Penulis***

*Edwin Michael a/l Muniandy*  
*Pensyarah*  
*Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Jabatan Kewartawanan*  
*Universiti Tunku Abdul Rahman*  
*edwinm@utar.edu.my*

*Ira Meilita Binti Ibrahim*  
*Pensyarah*  
*Fakulti Industri Kreatif, Jabatan Pengajian Am*  
*Universiti Tunku Abdul Rahman*  
*meilita@utar.edu.my*

*Afi Roshezry Abu Bakar*  
*Pensyarah / Ketua Jabatan*  
*Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Jabatan Kewartawanan*  
*Universiti Tunku Abdul Rahman*  
*afi@utar.edu.my*

## PENGARUH FAKTOR SITUASI KELUARGA TERHADAP PENGHARGAAN KENDIRI PELAJAR BERMASALAH DI PANTAI TIMUR SABAH

NURUL HUDANI MD. NAWI, MA'ROF REDZUAN  
& HANINA H. HAMSAN

### ABSTRAK

*Tujuan kajian adalah untuk mengkaji kesan pengaruh faktor situasi keluarga (kawalan, keprihatinan sosial, konflik keluarga) ke atas penghargaan kendiri pelajar bermasalah di sekolah sekitar kawasan pedalaman di Pantai Timur Sabah. Seramai 494 orang pelajar terlibat sebagai responden dalam kajian ini ( $n_{lelaki} = 349$ ;  $n_{perempuan} = 145$ ). Terdapat tiga bahagian soal selidik yang digunakan dalam kajian ini iaitu Bahagian A : Demografi subjek, Bahagian B : Alat kajian Beck Codependence Assessment Scale (BCAS) digunakan untuk mengukur kebergantungan pelajar dan Bahagian C : Rosenberg Self-Esteem (RSE) untuk pengukuran penghargaan kendiri. Perisian SPSS Version 15.00 digunakan untuk menganalisis data, deskriptif dan inferensi seperti regresi pelbagai untuk menguji hipotesis. Dapatkan kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap penghargaan kendiri yang sederhana (69.2%), ( $M = 1.293$ ;  $SD = .455$ ). Analisis regresi menunjukkan hanya dua pemboleh ubah faktor situasi keluarga iaitu keprihatinan sosial dan konflik keluarga menyumbang kepada penghargaan kendiri pelajar yang dikaji. Sub skala keprihatinan sosial menjelaskan 10.9 % varians dalam penghargaan kendiri dengan sumbangan yang positif ( $Beta = .195$ ), ( $t = 3.747, k < 0.05$ ) ke atas penghargaan kendiri. Manakala konflik keluarga menjelaskan sebanyak 7.3 % varians terhadap penghargaan kendiri ( $Beta = -.269$ ), ( $t = 5.210, k < 0.05$ ). Dapatkan ini merumuskan bahawa subjek yang mempunyai keluarga yang prihatin cenderung untuk mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi dan sebaliknya. Manakala kesan negatif pemboleh ubah konflik keluarga ke atas penghargaan kendiri menjelaskan semakin ketara lagi konflik keluarga yang berlaku dalam keluarga maka semakin rendah penghargaan kendiri dan begitu juga sebaliknya. Ini menunjukkan pelajar-pelajar yang bermasalah ini perlu diberi perhatian yang lebih serius oleh pihak sekolah terutama dengan menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling supaya mereka mempunyai peluang yang sama dengan pelajar lain.*

**Kata Kunci:** Faktor Situasi Keluarga, Penghargaan Kendiri, Pelajar Bermasalah